

SULIT

3767/1

EKONOMI

Kertas 1

1 ¼ jam



## UJIAN DIAGNOSTIK

---

---

**EKONOMI**

**Kertas 1**

Satu jam lima belas minit

---

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. Kertas soalan ini mengandungi **40** soalan.
2. Jawab **semua** soalan.
3. Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan iaitu **A,B,C dan D**.
4. Bagi setiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja. **Hitamkan** jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.
5. Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapanyang baru.
6. Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik yang **tidak** boleh diprogram.

---

Kertas soalan ini mengandungi **14** halaman bercetak

**Lihat Halaman Sebelah]**

**SULIT**

1. Pernyataan yang manakah betul berkaitan buruh?
  - A. Mempunyai daya mobiliti tempat yang tinggi
  - B. Ganjaran yang diterima adalah faedah dalam pengeluaran
  - C. Perlu menanggung risiko dan ketidakpastian dalam pengeluaran barangan
  - D. Berperanan merancang pengeluaran menggunakan sumber ekonomi sedia ada
  
2. Apakah tujuan Syarikat Kenangan Budi membuat pilihan dalam pengeluaran barangan?
  - A. Memenuhi kehendak manusia yang pelbagai
  - B. Mengelakkan masalah pembaziran dan ketirisan
  - C. Meminimumkan kos pengeluaran sesuatu keluaran
  - D. Memaksimumkan kepuasan dan keinginan pelanggan
  
3. Pasangan yang manakah betul berkaitan keluk kemungkinan pengeluaran (KKP).

	Kedudukan titik KKP	Keterangan
A.	Dalam keluk	Pengeluaran tidak dapat dicapai dalam jangka masa pendek
B.	Dalam keluk	Wujud masalah sumber ekonomi yang tidak mencukupi dalam pengeluaran
C.	Di luar keluk	Berlaku masalah pengangguran dan pembaziran sumber dalam ekonomi
D.	Di luar keluk	Kombinasi pengeluaran dapat dikeluarkan sekiranya berlaku peningkatan teknologi

4. Maklumat di bawah berkaitan dengan masalah asas yang dihadapi oleh Syarikat WSH Sdn Bhd.

Syarikat WSH Sdn Bhd. terletak di Ayer Keroh Melaka mengeluarkan pelbagai jenis coklat menggunakan 500 orang pekerja tempatan.

Apakah masalah asas ekonomi yang telah diselesaikan oleh Syarikat WSH Sdn Bhd?


- I Apa hendak dikeluarkan
- II Bagaimana hendak dikeluarkan
- III Berapa hendak dikeluarkan
- IV Untuk siapa hendak dikeluarkan

- A. I dan II
- B. I dan IV
- C. II dan III
- D. III dan IV

5. Bagaimanakah masalah “apa yang hendak dikeluarkan” diselesaikan dalam sistem ekonomi campuran?

- A. Kerajaan mengeluarkan barang mengikut permintaan masyarakat dan kehendak pihak swasta
- B. Kerajaan mengawal pengeluaran barang dengan cara mengenakan cukai terhadap pihak swasta
- C. Pihak swasta mengeluarkan barang mengikut mekanisme pasaran dan kerajaan mengikut keperluan masyarakat
- D. Pihak swasta menyasarkan keluaran barang mengikut kuasa beli manakala kerajaan mengagihkan barang untuk semua rakyat.

6. Rajah berikut merupakan keluk permintaan suatu barang.



Pasangan manakah yang betul berkaitan rajah di atas?

	Perubahan titik	Keterangan
A	M ke R	Berlaku pengembangan permintaan
B	P ke N	Citarasa pengguna semakin meningkat
C	R ke P	Wujud peningkatan permintaan barang
D	N ke P	Jangkaan harga barang meningkat pada masa depan

7. Apakah faktor yang menyebabkan berlaku peralihan keluk penawaran ke kanan?

- A. Kenaikan cukai ke atas barang
- B. Pemberian subsidi oleh kerajaan
- C. Firma ingin memaksimumkan keuntungan
- D. Harga barang dijangka meningkat pada bulan depan

8. Jadual berikut menunjukkan permintaan dan dan penawaran buah mangga di pasaran.

Harga (RM)	Kuantiti Diminta (kg)	Kuantiti Ditawar (kg)
6	140	100
7	130	120
8	120	130
9	110	140

Pilih pasangan yang betul.

	Harga (RM)	Keadaan
A.	6	Merupakan dasar harga minimum ditetapkan oleh kerajaan
B.	7	Harga cenderung naik untuk mencapai keseimbangan
C.	8	Berlaku lebih penawaran sebanyak 130 unit
D.	9	Stok keluaran akan berkurang sebanyak 30 unit.

9. Jadual berikut menunjukkan permintaan terhadap buah rambutan.

Harga (RM)	Kuantiti diminta (kg)
6	30
12	10

Berapakah nilai keanjalan harga permintaan buah rambutan jika harga naik dari RM6 ke RM 12?

- A. 0.67
  - B. 0.81
  - C. 1.22
  - D. 1.50
10. Jadual berikut menunjukkan peratus perubahan kuantiti diminta dan peratus perubahan harga bagi barang A.

Peratus perubahan kuantiti diminta (%)	Peratus perubahan harga (%)
60	25

Pernyataan yang manakah betul tentang barang tersebut?

- A. Strategi pengeluar meningkatkan harga dapat meningkatkan jumlah hasil
  - B. Firma menanggung cukai lebih kecil berbanding dengan pengguna
  - C. Bilangan barang pengganti dalam pasaran banyak
  - D. Contoh barang A yang dikeluarkan adalah beras
11. Pernyataan yang manakah betul berkaitan jenis keanjalan harga penawaran yang anjal?
- A. Peratus perubahan harga melebihi peratus perubahan kuantiti
  - B. Contoh keluaran adalah barang-barang pertanian
  - C. Tambahan kos yang diperlukan adalah besar
  - D. Bentuk keluk penawaran yang landai

12. Maklumat di bawah berkaitan satu urusanniaga dalam ekonomi.

Mat Kalis mengeluarkan wang tabungan sebanyak RM 500 untuk membuat bayaran bulanan motorsikal kepada Kedai Motor Suria

Apakah fungsi wang yang berlaku dalam situasi di atas?

- A. Alat ukuran nilai
  - B. Alat simpanan nilai
  - C. Alat bayaran tertunda
  - D. Alat perantaraan pertukaran
13. Maklumat berikut berkaitan dengan sejenis kemudahan pembayaran bank perdagangan.

Arahan daripada pemegang akaun tabungan untuk membuat bayaran caruman insurans setiap bulan pada tarikh yang telah ditetapkan

Apakah kemudahan pembayaran yang berkaitan dengan maklumat di atas?

- A. Draf bank
  - B. Debit langsung
  - C. Pindahan kredit
  - D. Perintah sedia ada
14. Jadual di bawah menunjukkan pendapatan Puan Amy pada bulan Januari 2024.

Butiran	RM
Upah	3000
Pemberian anak	300
Sumbangan tunai rahmah	700
Dividen saham	300

Berapakah pendapatan faktor tidak produktif Puan Amy pada bulan tersebut?

- A. RM 3 300
- B. RM 3 000
- C. RM 1 300
- D. RM 1 000

15. Pernyataan yang manakah berkaitan dengan ciri barang keperluan?
- A. Pengguna mempunyai pilihan barang
  - B. Dipengaruhi oleh saiz pendapatan individu
  - C. Dimiliki untuk keselesaan kehidupan harian
  - D. Pelaksanaan dasar kawalan harga maksimum
16. Apakah bentuk pelaburan yang mempunyai tahap pulangan dan tahap kecairan yang tinggi?
- A. Saham syarikat
  - B. Logam berharga
  - C. Unit Amanah Saham
  - D. Urusniaga pertukaran asing
17. Gambar di bawah merupakan sejenis input yang digunakan dalam proses pengeluaran suatu barang.



**Mesin pengadun industri**

Pernyataan yang manakah betul berkaitan gambar di atas?

- A. Wujud dalam jangka masa panjang sahaja
- B. Ada pada tingkat pengeluaran adalah sifar
- C. Kuantiti input berkadar langsung dengan keluaran
- D. Pembayaran ke atas input merupakan kos berubah.

18. Jadual di bawah adalah berkaitan dengan kos pengeluaran sesuatu barang.

Keluaran (unit)	Kos Berubah (RM)
20	220
40	220
60	340
80	520

Sekiranya kos tetap ialah RM 180, tingkat keluaran yang manakah mempunyai kos purata paling minimum?

- A. 20 unit
  - B. 40 unit
  - C. 60 unit
  - D. 80 unit
19. Maklumat berikut menunjukkan hasil dan kos pengeluaran kek tapak Kuda Aida dalam tempoh sebulan .

Kos bahan mentah	RM10 000
Upah buruh	RM4500
Bahan Api	RM2000
Sewa Kedai	RM1500

Jika Aida berjaya menjual sebanyak 2000 biji kek tapak kuda pada harga RM15 sebiji, berapakah untung yang diperolehi dalam tempoh tersebut ?

- A. RM 12 000
- B. RM 13 500
- C. RM 28 500
- D. RM 30 000



20. Maklumat di bawah berkaitan satu projek yang dilakukan oleh Kerajaan

Projek naik taraf Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra di Pengkalan  
Chepa, Kelantan.

Apakah faedah sosial yang diperolehi dari projek di atas?

- A. Menjimatkan masa pengguna yang berulang-alik dari Kuala Lumpur ke Kelantan
- B. Menjalankan perniagaan dalam pusat perniagaan di kawasan projek
- C. Mewujudkan bandar baharu di sekitar kawasan projek yang dijalankan
- D. Meningkatkan persaingan perkhidmatan antara syarikat penerbangan domestik

21. Apakah ciri monopoli semulajadi kerajaan?

- A. Kemasukkan firma dalam pasaran mudah dilakukan
- B. Barang yang dikeluarkan mempunyai pengganti sempurna
- C. Modal diperlukan dalam pengeluaran barang adalah tinggi
- D. Harga ditentukan mekanisme harga bagi menjamin kebajikan pengguna

22. Bagaimanakah kerajaan dapat mengawal eksternaliti negatif melalui undang-undang dan peraturan?

- A. Potongan duti jualan terhadap peralatan mesra alam
- B. Penetapan Zon Kawasan Perindustrian
- C. Penguatkuasaan Akta Pencatutan
- D. Perlaksanaan cukai karbon

23. Pilih pasangan yang betul berkaitan jenis inflasi

	<b>Jenis inflasi</b>	<b>Keterangan</b>
A.	Inflasi tarikan permintaan	Peningkatan permintaan barangan Malaysia ekoran kejatuhan nilai Ringgit Malaysia
B.	Inflasi tarikan permintaan	Peningkatan dasar gaji minimum oleh kerajaan
C.	Inflasi tolakan kos	Proses penciptaan kredit yang meningkatkan bekalan wang
D.	Inflasi tolakan kos	Perubahan harga di negara pengeksport yang mempengaruhi tingkat harga

24. Pernyataan di bawah berkaitan dengan satu masalah dalam ekonomi.

Kos sara hidup yang semakin meningkat menyebabkan Encik Saiful perlu jimat berbelanja dan mengelakkan dari melakukan hutang yang tidak diperlukan

Pernyataan di atas merupakan kesan inflasi terhadap

- A. tabungan
- B. pendapatan
- C. harga barang
- D. kadar faedah

25. Maklumat berikut adalah satu keadaan dalam ekonomi negara.

Pengangguran wujud pada kadar pengangguran yang sangat rendah  
iaitu dari 2% hingga 4%

Keadaan yang manakah menyebabkan berlakunya jenis pengangguran di atas?

- A. Masalah kemelesetan ekonomi seluruh dunia
- B. Ketiadaan maklumat yang tepat tentang peluang pekerjaan
- C. Perkembangan kegiatan ekonomi dalam sektor yang berbeza
- D. Harga komoditi yang tidak stabil mengalihkan ke bidang ekonomi berlainan

26. Maklumat berikut berkaitan dengan dasar kerajaan.

Kerajaan perlu melaksanakan pembaharuan fiskal agar pembangunan ekonomi Malaysia bertunjang di landasan yang mampan dan utuh, kata PMX, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Sumber: Astro Awani

Antara yang berikut, pernyataan yang manakah betul dengan tindakan tersebut?

- I Melaksanakan projek pembangunan sosial
  - II Pertambahan kos sara hidup
  - III Peningkatan permintaan agregat
  - IV Memperkenalkan cukai baharu dalam ekonomi
- A. I dan II
  - B. I dan III
  - C. II dan IV
  - D. III dan IV

27. Apakah cukai yang bebannya boleh dipindahkan kepada pihak lain?

- A. Duti setem
- B. Cukai pintu
- C. Duti eksport
- D. Cukai pendapatan

28. Pasangan manakah yang betul tentang perbelanjaan mengurus dan perbelanjaan pembangunan?

	Perbelanjaan Mengurus	Perbelanjaan Pembangunan
A.	Untuk meningkatkan pembentukan modal insan	Untuk urusan pentadbiran berjalan lancar
B.	Perbelanjaan semasa yang berulang	Perbelanjaan yang dilakukan sekali sahaja
C.	Bekalan dan perkhidmatan	Perkhidmatan sosial
D.	Tidak dipengaruhi tingkat pendapatan negara	Dipengaruhi tingkat pendapatan negara

29. Pernyataan yang manakah betul mengenai dasar kewangan mengembang ?

- A. Bertujuan untuk mengatasi keadaan inflasi
- B. Bertujuan menambahkan bekalan wang dalam pasaran
- C. Bank Pusat akan meningkatkan nisbah rizab berkanun
- D. Bank perdagangan menyimpan lebih banyak wang di Bank Pusat

30. Maklumat berikut berkaitan dengan dasar kewangan dilaksanakan oleh Bank Negara.

**Bank Negara naikkan OPR kepada tiga peratus.**

Bank Negara Malaysia (BNM) menaikkan Kadar Dasar Semalaman (OPR) sebanyak 25 mata asas kepada 2% pada mesyuarat Jawatankuasa Dasar Monetari (MPC) ketiganya tahun ini.

*Sumber: Malaysiakini.com, 12 Mei 2022*

Apakah kesan tindakan di atas ke atas objektif makroekonomi?

- I Guna tenaga penuh tercapai
  - II Pertumbuhan ekonomi akan berkembang pesat
  - III Aliran masuk wang ke dalam negara akan bertambah
  - IV Kestabilan harga barang dalam pasaran akan terlaksana
- A. I dan II
  - B. I dan IV
  - C. II dan III
  - D. III dan IV

31. Apakah kepentingan perdagangan antarabangsa?

- I Pelaburan asing meningkat
- II Kadar pengangguran berkurang
- III Mengekalkan sumber semulajadi
- IV Memelihara keistimewaan budaya masyarakat

- A. I dan II
- B. I dan IV
- C. II dan III
- D. III dan IV

32. Maklumat dibawah merujuk kepada jenis sekatan perdagangan

Cukai yang dikenakan mengikut nilai barang yang diimport
--

Apakah bentuk sekatan perdagangan di atas?

- A. Kouta
- B. Tarif spesifik
- C. Tarif ad valorem
- D. Kawalan pertukaran asing

33. Pernyataan yang manakah betul tentang perlaksanaan tarif dalam perdagangan antarabangsa.

- A. Firma asing dapat mengawal ketidakcekapan dalam pengeluaran
- B. Menghadkan kuantiti barang import yang dapat dibawa masuk
- C. Kerajaan memperoleh hasil bukan cukai yang tinggi
- D. Pengeluaran firma tempatan akan meningkat

34. Maklumat berikut berkaitan dengan perdagangan antarabangsa.

Encik Wee sekeluarga dari China melancong ke Melaka. Mereka menginap di sebuah hotel di Bandar Melaka. Sebelum pulang, beliau telah membeli pelbagai cenderamata untuk diberikan kepada ahli keluarganya.

Apakah bentuk komposisi dagangan yang terlibat di atas?

- I Import nampak
- II Import tak nampak
- III Eksport nampak
- IV Eksport tak nampak

- A. I dan II
- B. I dan IV
- C. II dan III
- D. III dan IV

35. Jadual di bawah menunjukkan kadar pertukaran asing antara Ringgit Malaysia dengan Dolar Singapura.

Mata wang	Harga Belian (RM)	Harga Jualan (RM)
1 Dolar Singapura (SGD)	3.1269	3.2078

Encik Ramli, seorang pelancong dari Singapura ingin menukarkan SGD 6800 kepada Ringgit Malaysia. Hitung jumlah Ringgit Malaysia yang akan diterima oleh Encik Ramli.

- A. SGD 2 119.83
- B. SGD 2 174.68
- C. SGD 21 262.92
- D. SGD 21 813.04

**Soalan 36** hingga **soalan 40** berdasarkan *pilihan jawapan jadual di bawah*.

<b>Pilihan</b>	<b>Pernyataan I</b>	<b>Pernyataan II</b>
A	Betul	Salah
B	Salah	Betul
C	Betul	Betul
D	Salah	Salah

36. I Keluk penawaran dibentuk akan mencerun ke atas dari kiri ke kanan  
 II Keluk penawaran menunjukkan hubungan positif antara harga dengan perbelanjaan pengeluar
37. I Keanjalan harga penawaran mengukur respons tindakbalas harga ke atas jumlah hasil pengeluar  
 II Keanjalan harga penawaran ditafsirkan anjal kerana pekali keanjalan melebihi satu
38. I Penyediaan belanjawan peribadi dapat mengelakkan masalah inflasi  
 II Inflasi akan menyebabkan kuasa beli pengguna akan meningkat
39. I Dasar fiskal mengembang digunakan semasa ekonomi mengalami inflasi  
 II Dasar fiskal mengembang melibatkan peningkatan perbelanjaan kerajaan
40. I Globalisasi merupakan suatu proses interaksi antara manusia, firma dan kerajaan pelbagai negara  
 II Globalisasi melibatkan pasaran baharu dan peserta baharu yang tiada dalam pasaran sedia ada